



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 18 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	PETANI RUGI, AIR BERGENANG DALAM PETAK SAWAH, HM -ONLINE BENDANG TENGGELAM, LOKAL, HM -19 PETANI RUGI PETAK SAWAH BERTAKUNG AIR, NASIONAL, BH -22 896 HEKTAR SAWAH TENGGELAM DI PERLIS, NEGARA, KOSMO -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	MASAK SEPERTI CEF KURANG 10 MINIT, DALAM NEGERI, UM -30	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	PEKEBUN TEMBIKAI RUGI RM21,000, NEGARA, KOSMO -16 AYAM BELANDA TERIMA PERMINTAAN TINGGI, BISNES, SH -30 PENGHUNI ANJUNG KELANA TUAI HASIL, NASIONAL, BH -20 BAKAL LAHIR USAHAWAN GELANDANGAN, LOKAL, HM -18 SAWAH TENGGELAM, RUGI RATUSAN RIBU, DALAM NEGERI, UM -13 JPS BUKA PINTASAN AIR ATASI SAWAH TENGGELAM, DALAM NEGERI, UM -13 2 JUTA BELIA LAYAK TUNTUT KREDIT E-TUNAI RM150, NASIONAL, BH -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Petani rugi, air bergenang dalam petak sawah [METROTV]



Kangar: Lebih 10 petani yang menjalankan penanaman padi di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di sini, kerugian selepas benih padi yang ditabur musnah disebabkan petak sawah ditakungi air akibat kegagalan laluan air Sungai Bakong untuk mengalir sempurna.

Air yang bergenang itu menenggelamkan petak sawah sehingga menjejaskan mata pencarian petani yang menjalankan aktiviti pertanian itu di Kampung Sena dan Kampung Sungai Bakong.

Antara kawasan sawah kendalian Mada yang terjejas ialah Alor Banat, Kampung Teluk, Kampung Seri Gelam, Kampung Bakong dan Kampung Sena.

Petani, Irwan Nazif, 39, berkata, dia sudah mengusahakan sawah di Kampung Sena lebih 10 tahun dan kejadian yang berlaku menyebabkan dia kini terpaksa mengulang semula proses taburan benih padi itu.

"Kami mula menabur benih padi pada Ramadan ke-10 lalu dan ketika itu tiada masalah namun sebaik memasuki Aidilfitri pertama, hujan berlaku.

"Apabila hujan, maka aliran air sungai juga memasuki petak sawah menyebabkan ia tergenang dan mulanya saya sangka ia akan segera surut namun terus bertakung sehingga merosakkan benih padi," katanya ketika ditemui di Kampung Sena semalam.

Katanya, kejadian itu menyebabkan padi yang baru tumbuh 50 peratus mati dan dia kerugian lebih RM1,000.

Rakannya, Mohd Faizal Mohd Arif, 44, yang mengusahakan sawah padi di Kampung Bakong pula berkata, sehingga kini, dia tidak boleh berbuat apa-apa kerana air di tapak sawah masih bertakung.

"Kebanyakan kami menabur benih padi bermula pada Ramadan ke-10 lalu dan tatkala padi mulai naik, air pula melimpah masuk.

"Kami sangkakan ia akan cepat surut namun ia bertakung dan saya rugi melebihi RM1,000 ditambah pula saya perlu membayar sewa pada sawah yang saya kerjakan itu," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Azman Mohd Yusof 'turun padang' bertemu dengan petani dalam mencari penyelesaian masalah dihadapi mereka.

Azman bersama Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perlis, Ir Asnol Adzhan Abd Manap dan Pengurus Wilayah 1 Mada, Zairizal Zainon turut melakukan perbincangan dengan petani selain meninjau perkembangan terkini projek Ampang Rendah di Denai Larian Pengkalan Asam, Kangar berhampiran pejabat JPS Perlis.



AIR Sungai Bakong yang melimpah masuk ke sawah di Kampung Sena dan Kampung Bakong menjejaskan jadual proses taburan benih padi. FOTO Aizat Sharif

Azman berkata, aliran Sungai Repoh laju sehingga menahan aliran Sungai Bakong menyebabkan air Sungai Bakong melimpah masuk ke sawah di

Kampung Sena dan Kampung Bakong.

Beliau berkata, JPS sudah memulakan projek Ampang Rendah dalam usaha melebarkan serta melancarkan lagi aliran air di Sungai Perlis ini agar ia dapat mengalir dengan lancar ke laut.

"Projek ini dijangka siap dalam dua hingga tiga bulan lagi dan sekiranya ia dapat disiapkan, aliran air diharapkan lancar dan tidak bertakung sehingga melimpah masuk ke kawasan sawah," katanya.



AZMAN memimpin keabang projek Ampang Rendah di Denai Larian Pengkalan Asam, Kangar.

Bendang tenggelam

10 petani rugi sawah ditakungi air akibat aliran Sungai Bakong tidak mengalir dengan sempurna

Oleh Alizat Shariff
am@hmetro.com.my

Kangar

Lebih 10 pesawah dalam kawasan Lembaga Keda (MADA) di sini, mendakwa mengalami kerugian selepas benih padi yang ditabur rosak apabila ditakungi air akibat lautan air Sungai Bakong gagal mengalir dengan sempurna. Keadaan itu menyebabkan sawah padi mereka ditenggelami air, sekali gus menjejaskan mata pencarian.

Antara kawasan sawah padi kendalian MADA yang terjejas adalah Alor Banat, Kampung Teluk, Kampung Seri Gelam, Kampung Bakong dan Kampung Sena.

Seorang petani dari Kampung Sena, Irvan Nazif, 39, berkata, dia sudah mengulasakan sawah padi sejak lebih 10 tahun lalu dan kejadian itu menyebabkan dia terpaksa mengulang semula proses taburan benih padi.

"Kami mula menabur benih pada Ramadan ke-10 lalu dan ketika itu tiada masalah timbul sehingga hujan pada hari pertama Alifitri.

"Apabila hujan, air sungai mula memasuki petak sawah menyebabkan ia bergenaug. Sangkaan saya keadaannya akan surut, namun ia masih bertakung sehingga merosakkan benih padi yang sudah ditabur."

Katanya, kejadian itu menyebabkan padi yang baru

tumbuh 50 peratus mati menyebabkan dia kerugian lebih RM1,000.

Rakannya, Mohd Faizal Mohd Arif, 44, yang mengulasakan sawah padi di Kampung Bakong berkata, kejadian yang berlaku membahayakan kerana sehingga kini dia tidak boleh berbuat apa-apa selagi air masih bertakung.

Menurutnya, dia juga menyangka air akan cepat surut, tetapi masih bertakung seperti task menyebabkan kerugian lebih RM1,000.

"Kami merayu kerajaan negeri atau agensi yang terbabit dapat membantu supaya masalah ini dapat diselesaikan segera dan proses penanaman padi dapat diteruskan semula," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Azman Mohd Yusof berkata, terdapat pertembungan aliran air antara Sungai Repoh dan Sungai Bakong berhampiran Pasar Besar Sena. Menurutnya, keadaan air laut pasang ketika ini juga menyebabkan air sungai tidak dapat mengalir keluar.

"Aliran air Sungai Repoh begitu laju sehingga menahankan aliran air Sungai Bakong menyebabkan ia tidak dapat bergerak dan air dari Sungai Bakong kemudian melimpah masuk ke sawah padi di Kampung Sena dan Kampung Bakong," katanya.

Terdahulu, Azman bersama Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis Anol Adzhan Abd Manap dan Pengurus Wilayah 1 MADA, Zairizal Zaidon bertemu dengan pesawah bagi menyelesaikan masalah itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Petani rugi petak sawah bertakung air

Kangar: Lebih 10 pesawah di kawasan sawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini, kerugian selepas benih padi yang ditabur musnah berikutan petak sawah ditakungi air akibat kegagalan laluan air Sungai Bakong untuk mengalir sempurna. Air yang bergenang itu menenggelamkan petak sawah sehingga petani di Kampung Sena dan Kampung Sungai Bakong.

Antara kawasan sawah kendalian MADA yang terjejas ialah Alor Banat, Kampung Teluk, Kampung Seri Gelam, Kampung Bakong dan Kampung Sena.

Irwani Nazif, 39, berkata dia sudah 10 tahun mengusahakan sawah di Kampung Sena dan kejadian itu menyebabkan dia kini

terpaksa mengulang proses taburan benih padi.

"Kami mula menabur benih padi pada Ramadan ke-10 lalu dan ketika itu tiada masalah. Namun, sebaik memasuki Aidilfitri pertama, hujan berlaku.

"Apabila hujan, aliran air sungai juga memasuki petak sawah menyebabkan ia tergenang. Saya jangka ia akan segera surut, namun terus bertakung sehingga merosakkan benih padi," katanya ketika ditemui di Kampung Sena, kelmarin.

Katanya, kejadian itu menyebabkan padi yang baru tumbuh 50 peratus, mati dan dia kerugian lebih RM1,000.

Rakannya, Mohd Faizal Mohd Arif, 44, yang mengusahakan sawah di Kampung Bakong pula

berkata, sehingga kini, dia tidak boleh berbuat apa-apa kerana air di tapak sawah masih bertakung.

"Kebanyakan kami menabur benih padi bermula pada Ramadan ke-10 lalu dan ketika padi mulai naik, air pula melimpah masuk.

"Saya rugi lebih RM1,000, ditambah pula saya perlu membayar sewa pada sawah yang saya kerjakan itu," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Azman Mohd Yusof 'turun padang' bertemu dengan petani dalam mencari penyelesaian.

Azman bersama Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perlis, Asnol Adzhan Abd Manap dan Pengurus Wilayah 1 MADA, Zairizal Zainon turut berbincang dengan petani,

selain meninjau perkembangan terkini projek Ampang Rendah di Denai Larian Pengkalan Asam, Kangar berhampiran pejabat JPS Perlis.

Azman berkata, aliran Sungai Repoh laju, sehingga menahan aliran Sungai Bakong menyebabkan air Sungai Bakong melimpah masuk ke sawah di Kampung Sena dan Kampung Bakong.

Beliau berkata, JPS sudah memulakan projek Ampang Rendah dalam usaha melebarkan serta melancarkan lagi aliran air di Sungai Perlis ini agar ia dapat mengalir dengan lancar ke laut.

"Projek ini dijangka siap dua hingga tiga bulan lagi dan sekiranya ia dapat disiapkan, aliran air diharapkan lancar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2021	KOSMO	NEGARA	12



MOHD. FAIZAL menunjukkan paras air yang bertakung di sawah padi miliknya di Kampung Sungai Bakong, Kangar semalam.

896 hektar sawah tenggelam di Perlis

KANGAR – Kira-kira 500 petani mengeluh apabila sawah padi seluas 896 hektar di lima kawasan di daerah ini tenggelami air berikutan masalah saluran air kurang sempurna.

Kawasan yang terjejas ialah Alor Banat, Kampung Teluk, Kampung Seri Gelam, Kampung Sungai Bakong dan Kampung Sena. Ia disebabkan taburan hujan yang tinggi sejak kebelakangan ini.

Pesawah di Kampung Sena, Irwan Aziz, 39, berkata, sudah empat malam anak padinya ditenggelami dan air tidak surut kerana aliran sangat perlahan.

Keadaan itu menyebabkan pesawah bimbang anak benih padi yang baru tumbuh rosak sekiranya terendam di dalam air dalam masa terlalu lama.

"Pada musim lalu, kami ter-

paksa menabur semula benih baharu akibat masalah yang sama. Hasil padi juga berkurangan kepada 1.3 tan (serelung) berbanding 2.3 tan," katanya.

Sementara itu, petani di Kampung Sungai Bakong, Mohd. Faizal Mohd. Arif, 44, berkata, masalah benih padi rosak memberi tekanan kerana perlu mengeluarkan modal untuk benih, baja dan membajak selain sewa bendang.

"Kami menabur benih pada 10 Ramadan, tetapi sejak 1 Syawal air sudah mula bertakung dalam sawah. Apabila terendam lama, anak benih padi akan lembik dan rosak.

"Biasanya air surut dalam sehari, jika masalah ini berlarutan kami terpaksa tanggung kerugian dan membeli anak benih baharu," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Masak seperti cef kurang 10 minit

JOHOR BAHRU: Bukan semua orang boleh memasak menu tradisional seperti rendang tok dan botok-botok, apatah lagi dalam masa yang singkat iaitu kurang daripada 10 minit.

Menyedari terdapat peluang perniagaan di situ, Noraini Margono, 65, mengambil inisiatif mengusahakan pes makanan segera untuk membantu golongan yang tidak mahir memasak atau tidak mempunyai masa yang banyak untuk ke dapur.

Katanya, idea untuk menjalankan perniagaan itu tercetus apabila menantunya meminta dia memasak pes makanan untuk disimpan bagi membolehkan dia membawanya pulang ke Kuala Lumpur.

"Menantu saya bekerja sebagai seorang guru di Kuala Lumpur dan setiap kali pulang ke sini dia meminta saya menyediakan pes makanan untuk dibawa balik.

"Ini kerana dia tidak terlalu mahir memasak masakan tradisional Melayu dan dia juga tidak mempunyai masa untuk memasak menu berkenaan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di kilang miliknya di Taman Tampoi Utama, di sini baru-baru ini.

Tambah Noraini, bermula sejak itu, dia mula menghasilkan pelbagai produk pes makanan yang boleh disimpan selama setahun dalam suhu bilik.

Setakat ini, Noraini telah menghasilkan 28 jenis perisa untuk dipasarkan di bawah jenama *Mak Nanie* termasuklah asam pedas, laksa johor, mi bandung, briyani Johor dan sup gearbox tu-

lang merah.

"Resipi pes memang sudah ada cuma saya tidak tahu teknik yang digunakan untuk memasak pes berkenaan boleh tahan lama tanpa menggunakan bahan pengawet.

"Untuk itu, saya banyak mempelajari ilmu dan kemahiran yang diperlukan menerusi internet, selain turut bertanya kawan-kawan dan mengikuti kursus anjuran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) dan Jabatan Pertanian," ujarnya.

Tambah Noraini yang juga merupakan seorang pejuang kanser itu lagi, ketika membuka perusahaan itu pada tahun 2014, dia memasaknya dari dapur rumah dengan hanya sebanyak 20 pekete pes dapat dihasilkan.

"Kemudian selepas permintaan semakin meningkat, saya menyewa sebuah unit rumah kedai di Taman Tampoi Utama, di sini bagi meningkatkan kapasiti penghasilan produk.

"Kini, saya mampu menghasilkan kira-kira 300 pekete pes sehari yang dipasarkan ke lebih enam buah negeri antaranya Perlis, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor.

"Produk ini kini turut dijual menerusi platform e-dagang seperti Shopee, selain turut memasuki pasaran Singapura," katanya.

Noraini yang berasal dari Pontian itu turut berhasrat untuk mengembangkan perniagaannya ke negara antarabangsa lain seperti Brunel dan Arab Saudi dalam waktu terdekat ini.



NORAINI Margono memantau pekerjaanya menghasilkan pes makanan di bawah jenama *Mak Nanie* di kilang miliknya di Taman Tampoi Utama, Johor Bahru di Johor. - UTUSAN/KHAIRUL MOHD ALI

Pekebun tembikai rugi RM21,000

PEKAN - Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan kerajaan sejak 10 Mei lalu bukan hanya menyebabkan golongan peniaga terjejas, malah turut mengakibatkan pen- gusaha tanaman tembikai me- nanggung kerugian.

Sekumpulan pengusaha tem- bikai di Kampung Ubai dekat sini berkata, mereka pernah mengalami masalah itu ketika PKP pertama dilaksanakan pada Mac tahun lalu dan sekali lagi terpaksa menanggung kerugian

mencecah RM21,000.

Ain Izuadin Mohd. Ghazali, 26, berkata, anggaran kerugian itu dibuat berdasarkan jumlah tem- bikai kira-kira 20 tan yang tidak dapat dipasarkan.

"Tahun lalu, saya sudah berdepan isu sama apabila (kese- luruhan) hasil tuai tidak dapat dijual kepada peraih mengaki- batkan saya menanggung keru- gian kira-kira RM9,000.

"Saya ingatkan tahun ini bolehlah dapat sedikit keuntun- gan, namun apa boleh buat me-

mang saya tidak jangka kerajaan umum PKP sekali lagi dan kali ini memang saya rugi besar, mung- kin lebih dua kali ganda berban- ding tahun sebelum ini," katanya.

Ain Izuadin berkata, setakat ini tempahan yang diterima dari- pada pelanggan agak perlahan yang mana dia hanya mampu menjual antara 300 hingga 400 kilogram tembikai sehari.

"Kalau bukan disebabkan PKP, jualan lebih rancak kera- na kita boleh pasang khemah," katanya.



AIN IZUDIN mengumpulkan buah tembikai yang ditanamnya di Kampung Ubai, Pekan baru-baru ini.

18/5/2021

SINAR
HARIAN

BISNES

30

Ayam belanda terima permintaan tinggi

PONTIAN - Ayam piru atau ayam belanda cukup digemari masyarakat Barat dan menjadi hidangan tradisi sempena perayaan utama mereka.

Keenakan ayam belanda yang mempunyai isi lebih pejal dan kandungan kolesterol lebih rendah kini turut menjadi hidangan istimewa bagi masyarakat Melayu terutama ketika Syawal.

Tidak sukar untuk mendapatkan ayam belanda kerana ramai usahawan tempatan kini mula

menternak ayam itu dalam skala besar.

Antaranya, Nurul Fairuz Amir, 39, usahawan ayam belanda di Kampung Parit Haji Zain Darat

yang berkecimpung dalam bidang ternakan itu sejak enam tahun lalu.

Nurul Fairuz tidak menyangka percubaannya melakukan pembaharuan dalam ternakan ayam kampung yang dimulakan oleh ayahnya Amir Misran, 62, membuahkan hasil cukup lumayan.

"Harga ayam belanda sekitar RM30 hingga RM35 sekilogram dengan tempoh matang sekitar enam dan tujuh bulan sebelum dapat disembelih."

Bercerita mengenai pembabitannya, Nurul Fairuz berkata, lawatannya ke Australia sebelum ini memberi idea mengenai ternakan ayam belanda.

Bekas pengurus bahagian latihan di sebuah syarikat swasta ini berkata, dia pulang ke kampung pada tahun 2014 bagi meneruskan ternakan ayam kampung yang diusahakan ayahnya.



Bilangan ayam belanda yang diternak kini mencecah 250 ekor.

"Pada tahun berikutnya, saya mula menternak 100 ekor ayam belanda. Permintaan yang tinggi mendorong saya menambah ternakan."

"Bilangan ayam belanda kini mencecah 250 ekor dengan pasaran terbesar di Johor Bahru," katanya.

Nurul Fairuz berkata, produk hiliran daripada bulu ayam belanda berasaskan kraf trut

diperkenalkan di samping telurnya yang dijadikan telur asin.

"Saya yakin dengan peluang cerah yang dimiliki dalam bidang ternakan ayam belanda."

Wanita juga boleh berjaya dalam ternakan ayam belanda.

"Paling penting kesungguhan dan jangan takut untuk mencuba sesuatu yang baru selain berkat doa ibu bapa dan keluarga," katanya.

Penghuni Anjung Kelana tuai hasil

Projek Kebun Hijrah Warrior diusaha gelandangan atas tanah DBKL

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Idea Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa yang mahu gelandangan mendiami Anjung Kelana, Pusat Transformasi Gelandangan mengusahakan tanah di hadapan bangunan itu, membuah-kan hasil apabila ratusan kilogram sayur berjaya dituai.

Kebun seluas 0.72 hektar yang dikenali sebagai Kebun Hijrah Warrior itu ditanam dengan kangkung, bendi dan timun yang sudah beberapa kali dituai, manakala jagung dua minggu lagi.

Ketua Penyelaras Kebun Hijrah Warrior, Mohd Hafiz Layman, berkata kebun itu mula di-

usahakan pada 15 Mac oleh gelandangan mendiami Anjung Kelana yang mula dibuka pada awal Mac lalu.

Beliau berkata, pada mulanya sukar mengajak gelandangan turut serta kerana ramai kurang berminat, namun lapan orang akhirnya menawarkan diri mem-

bantu. "Kami mengambil masa dua minggu untuk membersihkan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum mula menanam sayur.

"Masa diambil agak lama kerana semua dilakukan secara manual menggunakan empat cangkul saja.

"Selepas menanam dan nampak hasil, beberapa lagi gelanda-

ngan menawarkan diri dan kini 15 gelandangan aktif mengusahakan kebun ini," katanya ketika ditemui di Anjung Kelana, Taman Desa di sini.

Mohd Hafiz berkata, mereka sudah menuai 70 kilogram (kg) kangkung, 150kg timun dan 20kg bendi.

Katanya, semua sayur dijual di kedai runcit di kawasan itu dan hasilnya diberikan kepada gelandangan sebagai pendapatan mereka.

"Selepas ini kami bercadang menanam tembikai dan berharap mendapat hasil memberangsangkan juga," katanya yang memaklumkan kini 68 gelandangan mendiami Anjung Kelana.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Kebajikan Asnaf dan Gelandangan, Rashid, berkata modal mengusahakan kebun itu 100 peratus daripada Annuar sendiri.

Katanya, mereka juga mendapat bantuan Jabatan Pertanian termasuk baja, cangkul, sarung tangan dan beg poli semaian.

"Kami juga mendapat kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang akan membantu mendapatkan rangkaian jualan," katanya.

Penghulu Anjung Kelana, Mahsanul Mahfudz, 51, berkata dia

menjadi antara gelandangan terawal menawarkan diri mengusahakan kebun itu.

Dia yang berasal dari Bagan Datuk, Perak, berkata minatnya dalam bidang pertanian sejak zaman persekolahan dan tidak sangka kini berjaya membantu mengusahakan kebun.

"Paling seronok berkebun apabila kita nampak hasil diusahakan dengan penat lelah walaupun ketika ini kami gelandangan yang mengusahakannya belum menda-

"Saya harap kebun ini diperluaskan dengan pelbagai tanaman, selain lebih ramai gelandangan turut bersama memban-

tu," katanya. Mohd Fizol Abu Bakar, 49, dari Permatang Pauh, Pulau Pinang, berkata dia baru mendiami Anjung Kelana dan teruja untuk turut serta berkebun.

Katanya, dia tiada ilmu pertanian dan berharap dapat menimba sebanyak mungkin ilmu dalam bertani nanti, selain memperoleh pendapatan.



Mohd Hafiz Layman



Semakin ramai penghuni Anjung Kelana terbahit projek Kebun Hijrah Warrior di Kuala Lumpur. (Foto Alzuaddin Saad/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2021	HARIAN METRO	LOKAL	18

Bakal lahir usahawan gelandangan

Kebun penghuni Anjung Kelana di kawasan seluas 0.72 hektar kini mula membuahkan hasil

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Usaha gelandangan yang menghuni Anjung Kelana, Pusat Transformasi Gelandangan, bercucuk tanam di depan bangunan itu memberikan hasil apabila ratusan kilogram sayur berjaya dikutip.

Kebun seluas 0.72 hektar yang dikenali Kebun Hijrah Warrior itu, ditanam sayuran kangkung, bendi dan timun yang sudah beberapa kali dituai, manakala jagung dua minggu lagi.

Ia adalah hasil cetusan idea Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar

Musa yang mahu penghuni mengusahakan tanah itu dengan hasil tanaman.

Ketua Penyelaras Kebun Hijrah Warrior Mohd Hafiz Layman berkata, kebun itu diusahakan pada 15 Mac oleh gelandangan yang mendiami Anjung Kelana yang dibuka pada awal Mac lalu.

Menurutnya, pada mulanya sukar mengajak gelandangan untuk turut serta kerana ramai yang kurang berminat namun seramai lapan orang akhirnya menawarkan untuk membantu.

"Kami mengambil masa dua minggu untuk membersihkan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebelum mula menanam sayur. Masa yang diambil agak lama kerana se-

mula dilakukan secara manual dengan menggunakan empat cangkul sahaja.

"Selepas mula menanam dan nampak hasil, beberapa lagi gelandangan turut menawarkan diri untuk menyertai dan kini terdapat 15 gelandangan yang aktif mengusahakan kebun ini," katanya ketika ditemui di Anjung Kelana, Taman Desa di sini.

Mohd Hafiz berkata, kini mereka menuai sebanyak 70 kilogram kangkung, timun (150 kilogram) dan bendi (20 kilogram).

Katanya, semua sayur itu dijual di kedai runcit di sekitar kawasan itu dan hasilnya nanti akan diberikan kepada gelandangan sebagai pendapatan mereka.

"Selepas ini kami bercadang untuk menanam tembikai pula dan berharap akan mendapat hasil yang membolehkan kita juga," katanya yang memaklumkan kini terdapat seramai 68 gelandangan mendiami Anjung Kelana.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Kebajikan Asnaf dan Gelandangan Rashid berkata, modal untuk mengusahakan kebun itu 100 peratus daripada Annuar sendiri.

Namun, katanya, mereka sudah mendapat bantuan Jabatan Pertanian, antaranya baja, cangkul, sarung tangan dan beg poli semaian.

"Kami juga sudah mendapat kerjasama daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang akan membantu dari segi mendapatkan rangkaian jualan," katanya.

Penghulu Anjung Kelana, Mahsanah Mahfudz, 51, berkata dia menjadi antara gelandangan yang terawal menawarkan diri untuk mengusahakan kebun itu.

Dia yang berasal dari Bagin Datuk, Perak, mengakui minat dalam bidang pertanian sejak zaman persekolahan dan tidak sangka kini

berjaya membantu mengusahakan kebun.

"Apa yang seronok apabila berkebun ini adalah kita nampak hasil yang diusahakan dengan penat lelah walaupun ketika ini kami gelandangan yang mengusahakannya masih belum mendapat pendapatan lagi.

"Namun, saya berharap kebun ini akan dapat diperluaskan dan ditanam dengan pelbagai lagi tanaman selain lebih ramai gelandangan turut bersama membantu," katanya.

Mohd Fizol Abu Bakar, 49, dari Permatang Pauh, Pulau Pinang, berkata dia baru mendiami Anjung Kelana dan teruja untuk turut berkebun.

Katanya, dia tiada ilmu pertanian dan berharap dapat menimba sebanyak mungkin ilmu bertani nanti.

"Selain itu saya juga mengharapkan mendapat pendapatan dan tidak kisah berapa yang diperoleh kerana sudah tidak bekerja sejak beberapa bulan," katanya.

"Saya berharap kebun ini akan dapat diperluaskan dan ditanam dengan pelbagai lagi tanaman"

Mahsanah



SAURAN kangkung, bendi dan timun yang ditanam di Kebun Hijrah Warrior

Sawah tenggelam, rugi ratusan ribu



MOHD. FAIZAL MOHD. ARIF masuk ke dalam sawahnya yang tenggelam sehingga paras pinggang di Kampung Sungai Bakong, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Kira-kira 500 pesawah di negeri ini mengeluh apabila sawah padi mereka di kawasan seluas 896 hektar ditenggelami air sehingga paras pinggang dengan anggaran kerugian mencecah ratusan ribu ringgit berikutan hujan lebat kebelakangan ini.

Antara kawasan sawah terlibat ialah di Alor Banat; Kampung Teluk; Kampung Seri Gelam; Kampung Sungai Bakong; Kampung Sena dan beberapa kawasan lain.

Masalah tersebut didakwa sudah berulang kali berlaku, malah pesawah turut menyalahkan sistem saliran yang dikaitkan dengan projek pembinaan ampang rendah di Sungai Perlis, Pengkalan Asam di sini oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Menurut mereka, air bertakung itu akan surut dalam masa tiga hari, namun hujan boleh dikatakan setiap hari itu menyebabkan saliran air lambat turun sehingga mengambil masa seminggu untuk surut sekali gus menyebabkan tanaman terjejas.

Seorang pesawah dari Kampung Sena, Irwan Aziz, 39, berkata, sudah empat hari kawasan sawahnya tenggelam, dipercayai disebabkan sistem saliran yang perlahan.

Katanya, air di kawasan sawah tersebut yang tidak surut menyebabkan benih padi yang baharu ditanam itu rosak.

"Ini kali kedua petani di kawasan sekitar ini berhadapan masalah padi tenggelam. Pada musim lepas kami terpaksa tabur semula benih baharu akibat masalah yang sama.

"Bukan itu sahaja, hasil yang diperolehi musim lepas juga kurang kepada 1.3 tan metrik bagi kawasan 0.4 hektar berbanding 2.3 tan metrik bagi keluasan sama bagi musim sebelumnya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang pesawah dari Kampung Sungai Bakong, Mohd. Faizal Mohd. Arif, 44, pula berkata, masalah tersebut menyebabkan benih padi rosak dan mereka terpaksa mengeluarkan modal baharu untuk tanaman semula.

"Kami mula tabur benih pada

10 Ramadan lalu, anak benih sudah mula naik tetapi sejak akhir-akhir ini air sudah mula bertakung di dalam sawah. Bila banyak hari tenggelam, anak benih padi akan jadi lembik dan rosak.

"Kalau dulu air bertakung memakan masa sehari sahaja akan surut. Jika masalah ini berlarutan (takungan) kami petani terpaksa menanggung kerugian kerana perlu membeli anak benih baharu tambahan pula melibatkan kawasan sawah yang banyak," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengurus Wilayah 1 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Zairizal Zainon berkata, pihaknya menerima laporan berhubung perkara itu daripada pesawah sejak semalam yang memaklumkan padi mereka tenggelam sejak tiga hari lalu.

"Petani mengadu yang mereka terpaksa membeli dan menabur semula benih baharu dua tiga kali kerana masalah ini. Pada musim lalu pun mereka juga berhadapan dengan masalah sama namun ketika itu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi pampasan kepada kawasan terlibat," katanya.

JPS buka pintasan air atasi sawah tenggelam

KANGAR: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri mengalihkan sebahagian bongkah projek pembinaan ampang rendah di Pengkalan Asam di sini, bagi membina pintasan untuk mempercepatkan laluan air berikutan sawah padi tenggelam di beberapa kawasan di negeri ini.

Setiausaha Kerajaan negeri, Azman Mohd. Yusof berkata, pintasan selebar 10 meter dengan kedalaman tiga meter dibuka di sebelah tepi ampang rendah tersebut bagi membolehkan air mengalir.

Menurut beliau, usaha tersebut dibuat selepas mengambil kira rungutan petani apabila sawah mereka tenggelam berikutan hujan setiap hari dengan aliran air keluar dari sawah yang perlahan.

"Ini adalah salah satu langkah penyelesaian yang kita lakukan bagi membantu petani. Kami cuba mengambil langkah yang sewajarnya. Analisis akan dibuat sama ada usaha ini mampu menyelesaikan masalah di kawasan sawah yang tenggelam.

"Kalau tidak dapat selesai, kami akan lihat dari sudut lain pula sama ada terdapat masalah



AZMAN MOHD. YUSOF (kiri) menunjukkan pembukaan pintasan ampang rendah di Denai Larian Sungai Perlis, Pengkalan Asam, Kangar, Perlis semalam. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

di kawasan tandop, pertembungan sungai, masalah sampah atau sebagainya. Jika perlu kita akan gunakan pam untuk mengeluarkan air," katanya ketika

melawat pembukaan pintasan ampang rendah di Denai Larian Sungai Perlis, Pengkalan Asam di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawa-

tan kuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob; Pengarah JPS negeri, Asnol Adzhan Abdul Manap dan Pengurus Wilayah 1 Lem-

baga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Zairizal Zainon.

Sementara itu, Azman memberitahu, taburan hujan yang tinggi pada musim lepas dan kali ini berbanding tahun-tahun sebelumnya telah menyumbang kepada masalah tersebut.

Dalam pada itu, Asnol Adzhan berkata, projek ampang rendah bermula sejak tahun lalu yang dijangka siap tahun ini adalah pelan jangka panjang untuk sistem pengairan di kawasan tersebut.

Katanya, pintasan air terbit dibuat dengan lebar satu per lima daripada keseluruhan 50 meter lebar sungai tersebut sebagai laluan kecemasan supaya air mengalir dengan lebih cepat.

"Kita memang buka air untuk penggunaan petani dan apabila hujan kita akan tutup. Air yang masuk ke Sungai Perlis ini memang untuk tujuan pengairan.

"Dalam masa lima hari ini, air Empangan Timah Tasoh naik sehingga 0.5 meter tetapi kami tidak lepas air kerana kita ada Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh. Kita masih lagi di aras selamat dan akan buka apabila sudah sampai aras 29 meter," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/5/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

2 juta belia layak tuntutan kredit e-tunai RM150

Kuala Lumpur: Seramai dua juta belia memenuhi syarat ditetapkan boleh menuntut kredit e-tunai bernilai RM150 menerusi program eBelia bermula 1 Jun depan.

Kementerian Kewangan (MOF) dalam kenyataan semalam, memaklumkan peruntukan bernilai RM300 juta disalurkan bagi meredakan beban kewangan golongan sasaran, selain menggalakan perbelanjaan tanpa tunai dalam kalangan belia dan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan berdaftar.

"Dalam Belanjawan 2021, sejumlah RM200 juta diperuntuk-

kan bagi menyalurkan RM100 kredit e-tunai bagi setiap belia yang layak.

"Kerajaan menambah baik inisiatif ini dengan peruntukan tambahan RM100 juta di bawah program PEMERKASA (Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi) diumumkan Mac lalu, menjadikan keseluruhan peruntukan bagi program ini sebanyak RM300 juta.

"Dengan faedah tambahan ini, setiap penerima layak mendapat nilai kredit berjumlah RM150, berbanding RM100 sebelum ini," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu berkata, inisiatif eBelia dibuka kepada warga ne-

gara mencapai umur 18 hingga 20 tahun pada 2021 atau lahir pada 2001 hingga 2003.

Selain itu, pelajar sepenuh masa pada peringkat diploma atau Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 (SKM 4) dan ke atas di IPT tempatan berdaftar juga layak menuntut kredit e-tunai berkenaan.

"Data pemohon akan disemak silang dengan IPT tempatan berdaftar dan pangkalan data kerajaan berkenaan.

"eBelia akan ditawarkan melalui empat penyedia perkhidmatan e-tunai, iaitu BigPay, Boost, ShopeePay dan Touch n' Go eWallet, yang secara keseluruhan

mempunyai 30 juta pengguna aktif dan jaringan lebih satu juta peniaga dalam dan luar talian.

"Setiap pemohon layak boleh menuntut RM150 dalam bentuk kredit e-tunai daripada salah satu penyedia perkhidmatan e-tunai ini yang akan disertakan dengan insentif tambahan dalam bentuk pulangan tunai, bawcar mata terkumpul atau coins oleh penyedia perkhidmatan e-tunai dipilih sepanjang tempoh tempen," katanya.

Menurut MOF, individu layak digalakkan mengemaskini akaun di aplikasi e-tunai masing-masing atau memuat turun aplikasi e-tunai disenaraikan sebelum 1 Jun

dengan tempoh tuntutan dari 1 Jun hingga 22 Julai depan sebelum kredit berkenaan boleh dibelanjakan sehingga 31 Julai 2021.

eBelia ialah program kerjasama MOF Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Untuk maklumat lanjut, layari <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/index.php/bm/ebelia>.